

Sambutan Maulidur Rasul UMS meriah dengan pelbagai aktiviti dan penghayatan

NST 6.12.2017 5

KOTA KINABALU: Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Universiti Malaysia Sabah (UMS) 1439H/2017M telah berlangsung selama seminggu yang dipenuhi dengan pengisian pelbagai aktiviti menarik khusus yang sesuai dengan mahasiswa mahasiswi serta kakitangan UMS.

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. Rasid Mail berkata sambutan yang diadakan bagi sesi kali ini mempunyai kelainan kerana pelbagai aktiviti yang memfokuskan

kepada penghayatan sambutan itu sendiri yang menjadi nadi kekuatan penganjuran.

"Komitmen dan sumbangan kita demi menzahirkan kecintaan kita kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad saw adalah satu pendekatan yang wajar dan melibatkan kita semua kerana penghayatan dakwah Baginda suatu masa dulu adalah terlalu besar dan wajar diingati," katanya ketika berucap dalam perasmian majlis mewakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin, kel-

marin di Masjid UMS.

Jelasnya, tema 'Kesatuan Ummah Kesejahteraan Negara' adalah bertepatan dengan kesungguhan universiti untuk menyatukan fikiran dan menyemarakkan tindakan dalam memacu kecemerlangan bagi mencapai slogan 'Bertekad Cemerlang' yang menjadi cogan kata dalam setiap aspek pendidikan dan pembangunan UMS.

"Kita boleh lihat pelbagai aktiviti yang diadakan sepanjang sambutan Maulidur Rasul ini seperti pertandingan sukan memamah,

pertandingan riang ria Semarak Cinta Rasul untuk kanak-kanak (hafazan, fesyen Islamik, mewarna, sajak) dan pertandingan Musabaqah al-Quran.

"Turut berlangsung adalah pertandingan Ihtifal seperti pertandingan nasyid, komping, tilawah al-Quran, azan dan tulisan khat yang rata-rata mendapat sambutan daripada banyak penyertaan," jelasnya lagi.

Selain itu, beliau turut menegaskan bahawa objektif sambutan itu adalah bagi meningkatkan

kesedaran kepada warga kampus tentang kepentingan menghayati sirah kehidupan, perjuangan dan akhlak Rasullullah dalam segala aspek kehidupan.

Seramai 571 peserta dari 17 kumpulan menyertai upacara perarakan dan johan bagi kumpulan perarakan adalah daripada Fakulti Sains dan Sumber Alam.

Turut berlangsung adalah pameran daripada agensi-agensi kerajaan dan badan kebajikan serta zakat di perkarangan Masjid UMS. **OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE**



TAHNAIAH ... Johan perarakan, kumpulan FSSA menerima hadiah yang telah disampaikan oleh Rasid di Masjid UMS, kelmarin.



BERARAK ... Perarakan yang disertai oleh 17 kumpulan yang terdiri daripada Jabatan, Fakulti, Pusat, Institut dan Unit di UMS.